

Musnahkan **Aedes** sekat ancaman virus Zika

H. Metro
3/3/16
ms 24

Oleh Dr Rafdzah Ahmad Zaki

Virus Zika adalah sejenis flavivirus dan ia merebak kepada manusia menerusi gigitan nyamuk Aedes. Sejak pertama kali dikenal pasti dalam manusia pada tahun 1950-an, beberapa siri kes jangkitan Zika berlaku di Afrika, Amerika, Asia dan rantau Pasifik.

Wabak Zika yang melanda sekarang memabitkan kes yang di kesan di Brazil pada bulan Mei 2015. Penyelidik mengesyaki virus itu mungkin dibawa ke Amerika Selatan sewaktu kejohanan Piala Dunia 2014. Virus itu kini dilaporkan merebak ke lebih 30 negara.

Simptom biasa

Simptom paling biasa untuk jangkitan Zika ialah demam, ruam di kulit, sakit sendi, dan 'conjunctivitis' (mata kemerahan). Simptom ini lazimnya bermula dua atau tujuh hari selepas digigit nyamuk yang dijangkiti virus ini.

Mereka yang dijangkiti Zika biasanya hanya perlu banyak berehat, minum banyak cecair dan mengambil ubat untuk sakit dan demam. Hanya seorang daripada lima orang yang dijangkiti Zika akan jatuh sakit.



NYAMUK Aedes

ris panduan untuk pencegahan pemindahan secara seksual.

Lelaki yang tinggal atau pergi ke kawasan jangkitan aktif Zika dan mempunyai pasangan yang mengandung perlu mengelakkan diri daripada kegiatan seksual atau menggunakan kondom dan betol hubungan seks atau sepanjang kehamilan.

CDC juga mengesyorkan pasangan yang pulang dari negara yang terjejas dengan Zika supaya tidak mencuba mendapat anak untuk sekurang-kurangnya selama sebulan.

Baru-baru ini, pihak berkuasa Brazil melihat peningkatan jangkitan Zika dalam kalangan orang awam serta peningkatan bayi yang dilahirkan dengan 'microcephaly',

dak mencukupi.

Pilihan untuk wanita hamil menggugurkan kandungan secara selamat juga tidak ada meskipun atas sebab perubatan dan lagi pun ini mungkin diharamkan di setengah negara.

Keadaan ini akan membahayakan nyawa wanita kerana menjalani pengguguran bayi tanpa cara perubatan yang betul dan tidak menggunakan kemudahan penjagaan kesihatan bagi mengelakkan dihukum.

Cadangan pelbagai kerajaan supaya wanita mengelakkan diri daripada hamil sebagai langkah mengelakkan bayi yang cacat menjejaskan kebebasan pembiakan wanita.

Sebaliknya, pertambahan kanak-kanak dengan kecacatan serta keperluan perhatian perubatan jangka panjang akan membebankan sistem penjagaan kesihatan.

Bagaimanapun, meletakkan beban kepada wanita untuk mengehakkan kesan Zika bukanlah penyelesaiannya. Ia tidak boleh dikekalkan dan tidak menyokong hak reproduktif wanita. Kaunseling seksual serta reproduktif dan kemudahan lain perlu disediakan untuk membantu wanita yang dijangkiti ini.

Kesan sosial, ekonomi

Alah yang demikian, ramai orang yang mungkin tidak sedar mereka dijangkiti, tetapi akan menjadi pembawa virus ini dan menyebarkannya kepada yang lain.

Jangkitan Zika jarang menyebabkan komplikasi serius atau kematian. Bagaimanapun, ia memberi ancaman kepada perkembangan neuro janin.

Ia juga dikaitkan dengan gangguan saraf 'Guillain-Barre' yang jarang berlaku dan boleh menyebabkan kelumpuhan dan dalam kes melampau boleh membawa maut.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan Zika sebagai satu ancaman kepada kesihatan awam global. WHO meletakkan Zika dalam kategori yang penting sama seperti Ebola, Polio dan selesema Khinzir. Zika merebak begitu meluas dan pantas dengan kesan jangka panjang yang teruk, terutama ancaman terhadap kesihatan reproduktif.

Transmisi Zika menerusi kegiatan seksual dilaporkan pada wabak yang berlaku sekarang dan sebelumnya. Selepas dijangkiti, Zika mungkin terus berada dalam air mani meskipun tidak lagi boleh dikesan di dalam darah.

Meskipun risiko pemindahan menerusi kaedah ini amat rendah, ia meningkatkan kemungkinan virus ini merebak di negara yang tiada nyamuk Aedes.

Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) mengeluarkan ga-

salu keadaan yang menyebabkan perkembangan otak yang tidak normal.

Kesan jangka panjang 'microcephaly' adalah daripada kelewatan perkembangan yang sederhana kepada kecacatan motor dan intelek yang teruk seperti 'cerebral palsy'.

Meskipun lebih banyak siasatan saintifik diperlukan, kebanyakan pakar kesihatan bersetuju ada hubungan antara jangkitan Zika ketika kehamilan dan 'microcephaly'. WHO dijangka mengesahkan hubungan antara Zika dan 'microcephaly' tidak lama lagi.

Kanak-kanak yang mengalami keadaan ini berdepan dengan jangka hayat yang pendek dan sering menghadapi masalah perkembangan serta kognitif yang teruk.

Bayi terencat

Memandangkan perkembangan yang terjejas ini, kanak-kanak ini memerlukan penjagaan khas untuk jangka panjang. Apa yang dibimbangkan sekarang ialah meskipun bayi ibu yang dijangkiti nampak normal, bayi itu mungkin mengalami kelewatan perkembangan mental dan fizikal.

Tidak dapat dipertikaikan bahawa wanita yang tinggal di kawasan jangkitan Zika bimbang untuk hamil. Tambahan, di seketengah negara yang mempunyai kes Zika, kemudahan perancangan keluarga dan kehamilan ti-

Kesan sosial, ekonomi

Pertalian antara 'microcephaly' dan kecacatan neurologikal masih belum dibuktikan secara saintifik, tetapi negara yang terjejas dengan Zika sudah pun menanggung kesan sosial dan ekonomi.

Kesan Zika terhadap kesihatan reproduktif dalam masyarakat juga besar. Meskipun buat masa sekarang tidak ada kes Zika di Malaysia, potensi ancaman virus ini tidak boleh dipandang ringan. Sistem penjagaan kesihatan kita perlu bersedia untuk menampung keperluan kesihatan reproduktif berkait dengan Zika. Dalam kita masih memerangi denggi, kita tidak mampu untuk berdepan dengan masalah Zika.

Usaha menyekat virus ini daripada menjangkiti masyarakat kita perlu diutamakan. Meskipun pemindahan menerusi darah dan kegiatan seksual mungkin boleh berlaku, gigitan nyamuk masih cara utama pemindahan Zika.

Mengawal bilangan nyamuk Aedes dengan memusnahkan kawasan pembiakan mereka adalah tindakan paling proaktif yang boleh kita lakukan untuk menghalang wabak Zika di Malaysia. BERNAMA

Penulis Pegawai Perubatan Kesihatan Awam (Epidemiologi), Jabatan Perubatan Kemasyarakatan dan Pencegahan, Universiti Malaya